

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

# Sekat dadah RM46j

## Polis Kelantan hargai tindakan pantas pihak polis Thailand

Oleh Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my

### Tumpat

Polis Kelantan menghargai tindakan cekap pihak polis Narathiwat, Thailand, mengagalkan cubaan menyeludup hampir satu tan metrik dadah jenis *ice* atau kristal methamphetamine bernilai hampir 350 juta baht (RM46.29 juta) Khamis lalu.

Bekalan dadah yang diperolehi dari Bangkok itu dihantar ke Tak Bai di Narathiwat dan dipercayai mahu diseludup masuk ke negara ini.

Ketua Polis Kelantan, Da-

tuk Muhamad Zaki Harun berkata, kerjasama seperti sentiasa dilakukan melalui pertukaran maklumat dan hasil risikan polis di kedua-dua negara.

"Kita sentiasa

mengadakan perbincangan bersama pihak berkuasa Thailand dan amat berterima kasih terutama pasukan Polis Narathiwat yang memenuhi janjinya (saling bekerjasama).

"Kita akui Thailand banyak membuat tangkapan (dadah) berikutan sindiket akan melalui perjalanan

yang jauh untuk sampai ke sempadan Malaysia. Mungkin ada sekatan jalan raya dilakukan di negara itu yang menghasilkan kejayaan," katanya kelmarin.

Dalam perkembangan berkaitan, Muhamad Zaki berkata, selain mengadakan pertemuan secara berkala, jalinan kerjasama juga dijalankan menerusi hubungan baik antara ketua polis daerah di kedua-dua negara terutama di kawasan sempadan.

Menurutnya lagi, fokus mereka bukan sahaja memasukkan dadah maalah membabitkan pelbagai jenayah rentas sempadan lain seperti penyeludupan imigran serta barang terlarang.

"Di Jeli, kita bersempadan dengan Weng; Tanah Merah pula bersempadan dengan Buketa; Pasir Mas-Golok manakala Tumpat bersempadan dengan Tak Bai. Semua ketua polis daerah yang berkaitan sentiasa mengadakan pertukaran maklumat.

"Langkah ini dapat menyelaraskan sesuatu tindakan dan strategi baharu menghalang jenayah rentas negara," katanya.

"  
Kita sentiasa mengadakan perbincangan bersama pihak berkuasa Thailand  
Muhamad Zaki

**Kuala Lumpur:** Seorang wanita warga asing dijatuhi hukuman denda RM50,000 oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam, selepas didapati bersalah menawarkan khidmat pergigian secara haram.

Tertuduh, Norsyakilla Abdullah, 29, dijatuhi hukuman berkenaan oleh hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim selepas dia didapati bersalah menjalankan amalan pergigian tanpa berdaftar.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25, Akta 804 atas kesalahan di bawah seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 dan boleh dihukum di bawah seksyen 62(3) Akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dr Musfirah Musa dan dibantu Dr Khadijah Wahab.

Mengikut fakta kes, wanita terbabit sebelum ini ditahan hasil operasi oleh sepasukan pegawai Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, KKM di sebuah premis di Jalan Kecapi, Taman Perbadanan Islam, Johor Bahru pada 5 Julai tahun lalu.

Semasa serbuan dilakukan, tertuduh didapati sedang menjalankan rawatan penseleran gigi ke atas seorang lelaki.

Tertuduh bagaimanapun gagal mengemukakan Perakuan Pendaftaran sebagai

## Warga asing didenda RM50k tawar khidmat pergigian haram

Pengamal Pergigian dengan Majlis Pergigian Malaysia serta Perakuan Pengamalan Tahunan Semasa.

Susulan itu pegawai KKM merampas beberapa dokumen dan peralatan pergigian yang digunakan untuk menjalankan amalan pergigian.

Semakan dijalankan dengan Ibu Pejabat Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS HO) mendapati premis milik tertuduh turut beroperasi tanpa didaftarkan mengikut Seksyen 27 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].



NORSYAKILLA dijatuhi hukuman selepas didapati bersalah menawarkan khidmat pergigian secara haram.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : NEGARA

## MB mahu KKM pertimbang tindakan segera

# Johor kurang 2,800 doktor, jururawat

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) berdepan isu kekurangan staf kesihatan terutamanya doktor dan jururawat yang dianggarkan hampir 2,800 orang di negeri itu.

Sehubungan itu, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berharap Kementerian Kesihatan (KKM) dapat mempertimbangkan perkara tersebut serta mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah kekurangan staf kesihatan di Johor.

Beliau berkata, ini adalah bagi membolehkan hospital awam di negeri ini dapat berfungsi di tahap optima selain menampung keperluan serta menjamin kesejahteraan dan kesihatan rakyat Johor.

"JKNJ kekurangan hampir 2,800 staf kesihatan, khususnya doktor dan jururawat di negeri ini.

"Adalah menjadi harapan saya agar pihak KKM dapat mempertimbangkan agar jawatan ini diisi dengan kadar segera bagi menampung keperluan serta menjamin kesejahteraan dan kesihatan rakyat di negeri Johor," katanya dalam kenyataan di sini semalam.



**ONN HAFIZ (kanan) membangkitkan isu kekurangan staf kesihatan khususnya doktor dan jururawat ketika pertemuan bersama Norazman di Johor Bahru kelmarin.**

Perkara itu turut disuarakan Onn Hafiz ketika mengadakan pertemuan bersama Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Norazman Ayub.

Dalam pertemuan itu, Onn Hafiz juga meminta pihak KKM melihat cara yang lebih tuntas untuk mengurangkan kesesakan di hospital-hospital negeri Johor khususnya di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI).

Kelmarin, Tian Soon yang mengadakan lawatan mengejut ke HSI mendapati faktor kekurangan staf kesihatan menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lebih dua jam sebelum mendapatkan rawatan.

Hasil lawatannya itu, ada yang mencadangkan supaya pihak hospital terbabit dapat mengkaji semula soal penambahan staf bertugas pada setiap syif dan zon.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

# Saranan LGBT sebagai pesakit mental

Dipersetujui Ahli  
Parlimen PN sewaktu  
membahas masalah  
kesihatan mental rakyat  
Malaysia

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN  
KUALA LUMPUR

Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) meminta supaya kerajaan menggolongkan kumpulan Gay, Lesbian, Biseksual dan Transgender (LGBT) sebagai pesakit mental.

Dr Halimah Ali (PN-Kapar) ketika itu membahaskan Rang Undang-undang Akta Kesihatan Mental (pindaan 2023) di Dewan Rakyat sebelum Jamaludin Yahya (PN-Pasir Salak) mencelah dan mencadangkan agar golongan tersebut dikategorikan sebagai pesakit mental.

"Adakah Kapar setuju dengan cadangan Pasir Salak bahawa golongan LGBT juga dimasukkan dalam masalah kesihatan mental,"

kata Jamaludin ketika mencelah perbincangan Halimah pada Selasa.

Halimah yang mengakhiri perbincangan beliau pada ketika itu, bersetuju dengan cadangan tersebut dan memohon agar Dewan Rakyat memasukkan kenyataan itu ke dalam *handsard*.

"Masukkan dalam ucapan saya," jawabnya. Sementara itu,

Halimah berkata, isu kesihatan mental di negara ini adalah sesuatu isu yang besar terutamanya untuk generasi masa depan dan ia perlu ditangani oleh kerajaan.

"Ini adalah peratusan yang sangat besar dan saya bersetuju supaya bukan sahaja Kementerian Kesihatan (KKM) tetapi semua kementerian berkaitan perlu duduk bersama-sama mengatasi secara tuntas dan holistik untuk mengatasi masalah kepada mereka yang celaru mental ini sehingga sanggup untuk membunuh diri," ujarnya.

Dalam bacaan kali pertama pada April lalu, Rang Undang-Undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 antara lain membolehkan pegawai intervensi krisis menangkap mana-



HALIMAH

mana orang yang cuba membunuh diri.

Rang undang-undang bagi meminda Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) itu dibentangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Selain itu, pegawai intervensi krisis semasa menjalankan kuasa di

bawah subseksyen (2) boleh memecah buka mana-mana pintu atau tingkap luar atau dalam mana-mana premis dan masuk ke dalam, atau selainnya masuk secara paksa ke dalam premis dan mana-mana bahagian premis itu atau memindahkan secara paksa apa-apa halangan kepada laluan-masuk itu.

Menurut rang undang-undang itu, pegawai yang menangkap orang di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan seberapa segera yang praktikal, tetapi tidak lewat daripada 24 jam selepas penangkapan, membawa orang berkenaan kepada pegawai perubatan di hospital psikiatri kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar di hospital psikiatri swasta yang diwartakan untuk pemeriksaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 20  
RUANGAN : NASIONAL

# JKNJ kekurangan hampir 2,800 staf kesihatan

Kekurangan membabitkan jawatan doktor dan jururawat

JOHOR BAHRU



ONN HAFIZ

Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) kekurangan hampir 2,800 staf kesihatan, khususnya doktor dan jururawat.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, bagi menampung keperluan kesihatan rakyat di negeri ini, kekosongan jawatan berkenaan seharusnya diisi dengan kadar segera.

"Saya berharap agar pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat mempertimbangkan agar jawatan berkenaan diisi dengan kadar segera bagi menampung keperluan dan menjamin kesejahteraan serta kesihatan rakyat di negeri Johor.

"Terima kasih kepada Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Norazman Ayob yang sudi mendengar keluhan saya dan Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon tentang perkara ini," katanya dalam kenyataan dimuat naik di Facebook rasminya pada Selasa.

Dalam pada itu, Onn Hafiz meminta pihak KKM melihat cara yang lebih tuntas untuk mengurangkan kesesakan di hospital-hospital negeri Johor, khususnya di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI).

Sebelum itu pada Isnin, Johor bakal mengemukakan beberapa cadangan kepada KKM bagi mengatasi masalah waktu menunggu yang lama di Jabatan Kecemasan dan Trauma HSI, dekat sini.

Antara yang dicadangkan adalah supaya KKM dapat memanjangkan masa operasi Klinik Kesihatan Sultan Ismail yang bersebelahan dengan HSI.

Tian Soon dilaporkan mengadakan lawatan mengejut di HSI jam 12 tengah malam pada Isnin, susulan banyak aduan diterima bahawa pesakit perlu menunggu lama bagi mendapatkan rawatan di jabatan kecemasan hospital terbabit.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Cadangan golongan LGBT dikategori pesakit mental

**KUALA LUMPUR:** Seorang Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) mencadangkan supaya kumpulan Gay, Lesbian, Bisexual dan Transgender (LGBT) dikategori sebagai pesakit mental.

Jamaludin Yahya (PN-Pasir Salak) bertanya soalan itu ketika Dr. Halimah Ali (PN-Kapar) membahaskan Rang Undang-undang Akta Kesihatan Mental (pindaan 2023) di Dewan Rakyat sebentar tadi.

Halimah pula yang sebelum ini terkait kontroversi isu kanser dan autisme dalam Menu Rahmah kemudian bersetuju dengan cadangan yang disuarakan Jamaludin.

Jamaludin: Adakah Kapar setuju golongan LGBT juga dicadangkan dimasukkan dalam masalah kesihatan mental?

Halimah: Terima kasih, kiranya masuk jugalah (LGBT) da-

lam ucapan saya.

Dalam bacaan kali pertama pada April lalu, Rang Undang-Undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 antara lain membolehkan pegawai intervensi krisis menangkap mana-mana orang yang cuba membunuh diri.

Rang undang-undang bagi meminda Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) itu dibentangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Menurut rang undang-undang itu, pegawai berkenaan yang telah menangkap orang di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan seberapa segera yang praktik, tetapi tidak lewat daripada 24 jam selepas penangkapan itu, membawa orang berkenaan kepada pegawai perubatan di hospital psikiatri

kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar di hospital psikiatri swasta yang diwartakan untuk pemeriksaan.

Pegawai intervensi krisis juga boleh semasa menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2) untuk memecah buka mana-mana pintu atau tingkap luar atau dalam mana-mana premis dan masuk ke dalam, atau selain masuk secara paksa ke dalam premis dan mana-mana bahagian premis itu atau memindahkan secara paksa apa-apa halangan kepada laluan masuk itu.

Dalam pada itu, Halimah berkata, isu kesihatan mental adalah isu yang besar dan perlu ditangani kerajaan.

"Ini adalah peratusan yang besar dan saya bersetuju supaya bukan sahaja Kementerian Kesihatan tetapi semua kementerian perlu duduk bersama-sama

mengatasi secara tuntas untuk mengatasi masalah kepada mereka yang celaru mental ini sehingga sanggup membunuh diri," katanya lagi.

Bagaimanapun, Chiew Choon Man [PH-Miri] menolak cadangan Jamaludin kerana tidak sesuai untuk melabelkan sesiapa mempunyai masalah mental termasuk golongan LGBT tanpa asas perubatan atau pandangan profesional.

"Saya berharap semua ahli dewan menghormati setiap individu. Isu kesihatan mental tidak patut dijadikan alat untuk tujuan mempersenda atau mengaibkan mana-mana pihak.

"Isu ini harus ditangani dengan serius. Saya dengan ini menyangkal kenyataan Pasir Salak dan Kapar bahawa LGBT harus dimasukkan dalam masalah kesihatan mental," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATION/NEWS

MANAGING SUICIDE ATTEMPT CASES

## MPs DEBATE LGBT, MENTAL HEALTH

PN lawmakers propose categorising LGBT community as people with mental health disorder

NURADZIMMAH DAIM  
AND QISTINA SALLEHUDDIN  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**P**ERIKATAN Nasional (PN) members of parliament yesterday proposed categorising the lesbian, gay, bisexual and transgender (LGBT) community as individuals with a

mental health disorder.

During a debate on the Mental Health (Amendment) Bill 2023 to decriminalise suicide, Jamaluddin Yahya (PN-Pasir Salak) made the suggestion, which was supported by Dr Halimah Ali (PN-Kapar).

"So, do you agree, Kapar, with my suggestion that the LGBT community be included under the mental disorder category?" Jamaluddin asked Dr Halimah during her debate.

She said she would include his suggestion in her speech.

"Thank you, Pasir Salak. Consider it included in my speech.

"Mental disorder is a huge issue. It requires not just the involvement of the Health Ministry, all related ministries need to sit to-

gether to implement a roadmap to overcome the issue.

"This is to prevent those who suffer from mental health disorders from considering suicide."

Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Ramkarpal Singh tabled the Mental Health (Amendment) Bill 2023 for its second reading yesterday.

The Dewan Rakyat approved the bill yesterday, paving the way for the creation of crisis intervention officers to deal with suicide attempts and for better rehabilitative measures for people with suicidal tendencies.

On Monday, the lower house approved the bill to abolish Section 309 of the Penal Code, which pro-

vides penalties for attempted suicide, and amendments to the Criminal Procedure Code on abetting suicide.

Abetting suicide, under Section 305 and 306 of the Penal Code, remains a criminal offence.

Ramkarpal said officers would be authorised to apprehend those attempting suicide under Section 11 of the act.

"Following the abolishment of Section 309 of the Penal Code, there is a need to manage suicide attempt cases. This is to ensure enforcement action can be implemented for the safety and well-being of individuals who attempt suicide, apart from safeguarding the safety of the community," he said when debating the bill.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATION

## Amendments to Mental Health Act passed

THE Dewan Rakyat has passed the amendments to the Mental Health Act (Amendment) 2023.

The amendments were made following the decriminalisation of suicide under the Penal Code (Amendment) (No. 2) Bill 2023.

Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Legal and Institutional Reforms) Ramkarpal Singh said the amendments comprises two clauses, which were

the short title and the commencement of the Act, as well as substitution of Section 11 that empowers crisis intervention officers.

"The amendments on the Mental Health Act 2001 or Act 561 was intended following the decriminalisation of suicide attempts under the Penal Code (Amendment) (No. 2) Bill 2023 that has been passed on Monday.

"The move to manage the mat-

ter is important to ensure that enforcement aspects could be implemented for the sake of suicidal individuals," he said yesterday.

According to the Act, any crisis intervention officer will be empowered to apprehend any person if they suspect they are committing self-harm, damaging property or attempting to commit suicide.

The crisis intervention officers are also empowered to enter any premises if necessary, in exercising the powers which includes the authority to break into premises.

"Subsequently, the crisis intervention officer shall bring the apprehended person to a government psychiatric hospital or a gazetted private psychiatric hospital not later than 24 hours after the

apprehension for examination. "This amendment is consequential to the deletion of Section 309 of the Penal Code (Act 574)," Ramkarpal said.

Crisis intervention officers would comprise officers from agencies such as the police, the Malaysia Maritime Enforcement Agency, the Fire and Rescue Department, the Civil Defence Department and Welfare Department.